

No. Tender: JPJ.BKW.(S).400-5/8/3 Jld. 7 (67)

KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

BIL.	KETERANGAN ASET ALIH	KUANTITI	HARGA SIMPANAN	DEPOSIT TAWARAN
1.	<i>Mobile Speed Camera-Redflex</i>	91	910.00	10%

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada pada 21 Mac 2025 (Jumaat) pada jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari di Bahagian Teknologi Digital, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jalan Teknokrat 5, 63000 Cyberjaya, Selangor.
3. Tender akan ditutup pada 27 Mac 2025 (Khamis) jam 12.00 tengah hari. Tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan atau 120 hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender: JPJ.BKW.(S).400-5/8/3 Jld. 7 (67) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Ketua Pengarah
 Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
 Aras 5, No 26 Jalan Tun Hussein, Presint 4
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62100 WP Putrajaya
 (u.p: Bahagian Kewangan dan Perolehan)

6. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
- i. Encik Ahmad Fairuz bin Tarmizi, Bahagian Penguatkuasa di talian 03-88928973 bagi aset *Mobile Speed Camera-Redflex*.
 - ii. Puan Syeela binti Tukiran, Bahagian Penguatkuasa di talian 03-88928922 bagi aset *Mobile Speed Camera-Redflex*.
 - iii. Puan Kasnirawati binti Md Jaffar, Bahagian Kewangan dan Perolehan di talian 03-88928118 bagi urusan dokumen dan perolehan.

7. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

- 7.1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 7.2. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak **10%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **Akauntan Negara Malaysia- MOT-T.**
- 7.3. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 7.4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 7.5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
- 7.6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 7.7. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 7.8. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.

8. GAMBAR ASET







